



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

1. Tawaran adalah terbuka kepada syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia beralamat di **WP Kuala Lumpur, Putrajaya dan Selangor**. Tempoh sah laku sebut harga ialah **60 hari** mulai tarikh tutup sebut harga.

NO. SEBUT HARGA	TAJUK SEBUT HARGA	KOD BIDANG PENDAFTARAN
KWP(SH-B)05/2015/BPM	PERKHIDMATAN PELAKSANAAN MIGRASI IPv6 DI KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN	210105

2. Dokumen Sebut Harga boleh diperolehi/dimuat turun mulai **03 April 2015 (Jumaat)** secara percuma melalui laman web <http://www.kwp.gov.my>.
3. Cadangan Tawaran Sebut Harga yang lengkap diisi hendaklah dikemukakan **sebelum atau pada 06 April 2015 (Isnin) jam 12.00 tengah hari** melalui kaedah berikut:
 - i) Serahan tangan- dimasukkan di dalam sampul surat yang berlakri/bermetri dengan nombor sebut harga ditulis di penjuru kiri sebelah atas sampul serta dikemukakan cadangan tawaran sebut harga hendaklah **diserahkan** di kaunter Bahagian Kewangan seperti alamat berikut:

**KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN
ARAS 3, BLOK 2, MENARA SERI WILAYAH
PRESINT 2, 62100 PUTRAJAYA
(U.P.: BAHAGIAN KEWANGAN)**
 - ii) Melalui faks: **03-8889 7730**
 - iii) Melalui e-Mel: **sebutharga_b@kwp.gov.my**
4. Tawaran sebut harga yang lewat dikemukakan **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**.
5. Fi Perkhidmatan sebanyak 0.8% bagi setiap transaksi yang dijana melalui sistem ePerolehan akan dikenakan kepada pembekal-pembekal/syarikat yang dilantik, tertakluk kepada had maksimum RM9,600.00 bagi setiap transaksi yang melebihi RM1.2 juta atau sebanyak 0.4% bagi setiap nilai pesanan kerajaan tertakluk kepada had maksimum RM 4,800.00 bagi pesanan Kerajaan melebihi RM 1.2 juta. Fi yang dikenakan ini adalah seperti yang termaktub dalam Terma dan Syarat bagi Pendaftaran Pembekal di bawah sistem ePerolehan.
6. Harga tawaran hendaklah tanpa sebarang kenaaan cukai termasuk GST. Pengisytiharan status pendaftaran bersama No. Pendaftaran GST hendaklah dikemukakan bersama cadangan tawaran sebut harga ini.

SEKSYEN PEROLEHAN KWP



**KERAJAAN MALAYSIA
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

DOKUMEN SEBUT HARGA

KWP(SH-B)05/2015/BPM

**PERKHIDMATAN PELAKSANAAN MIGRASI IPv6 DI KEMENTERIAN
WILAYAH PERSEKUTUAN**

PERINGATAN PENTING

**YANG SILAP MENGISI BORANG TAWARAN ATAU MELANGGAR MANA-MANA
ARAHAN DAN SYARAT-SYARAT DALAM DOKUMEN SEBUT HARGA INI TIDAK AKAN
DIPERTIMBANGKAN**

**SILA BACA DAN FAHAMI KESELURUHAN BUTIR-BUTIR YANG TERKANDUNG DALAM
DOKUMEN SEBUT HARGA INI SEBELUM MEMBUAT TAWARAN**

SEKSYEN 1 - ARAHAN DAN SYARAT-SYARAT KEPADA PENYEBUT HARGA**1. Kenyataan Tawaran**

1.1 Pelawaan sebut harga ini terbuka kepada syarikat-syarikat yang *eP enabled* beralamat pendaftaran di Putrajaya, Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur serta berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang berikut:

210105 - *Telecommunication/Networking-Supply Product, Infrastructure, Services Including Maintenance (LAN/WAN/Internet/Wireless/Satellite)*

1.2 Pendaftaran kod bidang hendaklah masih sah sekurang-kurangnya dalam tempoh **Tiga (3) bulan** daripada tarikh pelawaan sebut harga ini.

1.3 Cadangan Sebut Harga yang telah lengkap diisi hendaklah dikemukakan melalui kaedah **serahan tangan, faks atau e-mel** ke alamat berikut:

**Kementerian Wilayah Persekutuan,
Bahagian Kewangan
Aras 3, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2
62100 Putrajaya.
Nombor Faks: 03-8889 7730
e-Mel: sebutharga_b@kwp.gov.my**

1.4 Tawaran sebut harga yang **tidak menggunakan format Dokumen Sebut Harga** yang ditetapkan **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**. Walau bagaimanapun, penggunaan lampiran tambahan adalah dibenarkan.

1.5 Tarikh akhir penyerahan sebut harga **serahan tangan, faks atau emel** hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya pada **06 APRIL 2015 (ISNIN) JAM 12:00 TENGAHARI**. Dokumen sebut harga yang diterima selepas daripada tarikh dan masa yang ditetapkan, bersabit dari apa-apa punca sekalipun, tidak akan dipertimbangkan.

1.6 Cadangan Tawaran Sebut Harga yang telah lengkap diisi dan ditandatangani perlu dikembalikan kepada Kementerian seperti berikut:

- a) **Lampiran Q**
 - b) **Lampiran A** - Keterangan Mengenai Penyebut harga;
 - c) **Lampiran B** - Surat Jaminan Penyebut harga
 - d) **Lampiran C** - Surat Akuan Pembida
 - e) **Lampiran D** - Jadual Harga;
 - f) **Lampiran E** – Jadual Spesifikasi Perkhidmatan
 - g) **Lampiran F** – Jadual Pelaksanaan
 - h) **Lampiran G** – Jadual Pengalaman Kerja
 - i) **Pengesahan Tawaran Sebut harga oleh Penyebut harga**
 - j) **Senarai Semak**
 - k) Salinan **Sijil Pendaftaran Syarikat dengan Kementerian Kewangan Malaysia;**
 - l) Pengisytiharan **status pendaftaran dan mengemukakan nombor pendaftaran GST;**
 - m) Salinan **sijil berkaitan IPv6 Certified.**
- 1.7 **Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih tanpa kenaan GST.** Syarikat hendaklah mengisytiharkan status pendaftaran dan mengemukakan nombor pendaftaran GST.
- 1.8 Sekiranya Syarikat yang berjaya adalah berdaftar GST dengan JKDM, Kementerian akan mengeluarkan SST/Pesanan Tempatan kepada Syarikat dengan tawaran harga termasuk kenaan GST.
- 1.9 Bagi Syarikat yang mengisytiharkan tidak dikenakan cukai di bawah Akta GST, namun akan menjadi Syarikat yang berdaftar GST setelah ditawarkan perolehan tersebut, hendaklah memaklumkan dengan segera kepada Kementerian berkenaan perubahan status pendaftaran Syarikat tersebut di bawah Akta GST. Syarikat hendaklah membuat permohonan untuk pelarasan bagi kenaan GST. Pelarasan harga kenaan GST hendaklah dimuktamadkan oleh Pegawai Pengawal atau mana-mana pegawai yang diturunkan kuasa oleh Pegawai Pengawal.
- 1.10 Harga yang ditawarkan hendaklah juga termasuk Fi Perkhidmatan sebanyak 0.8% bagi setiap transaksi yang dijana melalui sistem ePerolehan akan dikenakan kepada pembekal-pembekal/syarikat yang dilantik, tertakluk kepada had maksimum RM9,600.00 bagi setiap transaksi yang melebihi RM1.2 juta atau sebanyak 0.4% bagi setiap nilai pesanan kerajaan tertakluk kepada had maksimum RM 4,800.00 bagi pesanan Kerajaan melebihi RM 1.2 juta. Fi yang

dikenakan ini adalah seperti yang termaktub dalam Terma dan Syarat bagi Pendaftaran Pembekal di bawah sistem ePerolehan.

- 1.11 Harga yang disebutkan di dalam **LAMPIRAN D (Jadual Harga)** hendaklah sah laku bagi tempoh tidak kurang daripada sembilan puluh (**60 hari**) dari tarikh tutup sebut harga.

2. Pembayaran

- 2.1 Semua pembayaran adalah dibuat dalam Ringgit Malaysia (RM);
- 2.2 Pembayaran perkhidmatan akan dibuat secara sekali gus (*one-off*) setelah penyempurnaan perkhidmatan telah disahkan dengan disertakan dokumen tuntutan seperti invois/nota penghantaran.

3 Garis Panduan Pelaksanaan *Integrity Pact* Dalam Perolehan Kerajaan

3.1 *Integrity Pact* dilaksanakan bertujuan untuk :

- a) Mengelak daripada menawar atau memberi rasuah;
- b) Menghendaki Penyebut harga melaporkan sebarang kesalahan rasuah kepada Pihak Berkuasa; dan
- c) Memastikan Kerajaan tidak menanggung "*unnecessary costs*" dalam pelaksanaan urusan perolehan.

3.2 *Integrity Pact* dalam perolehan Kerajaan terdiri daripada unsur-unsur penting seperti berikut :

- a) menerima **pelawaan rasmi** untuk **menyertai sebut harga** bagi perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja;
- b) membuat **akuan** bahawa Penyebut harga tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana pihak untuk mendapatkan atau mengekalkan sesuatu kontrak berkaitan perolehan Kerajaan;
- c) mewujudkan "**Code of Conduct**" bagi membenteras gejala rasuah dan perlakuan tidak beretika di kalangan kakitangan syarikat serta

mengadakan **program pematuhan “Code of Conduct”** untuk semua kakitangan syarikat; dan

3.3 Kaedah Pelaksanaan *Integrity Pact*

Kesemua Penyebut harga yang menghantar dokumen sebut harga hendaklah menandatangani Surat Akuan Pembida bahawa ia tidak akan menawar atau memberi rasuah sebagai sogokan untuk mendapatkan kontrak. Wakil syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida hendaklah juga melampirkan Surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak syarikat. Format Surat Akuan Pembida adalah seperti di **LAMPIRAN D**. Agensi hendaklah memastikan Surat Akuan Pembida juga dijadikan sebagai dokumen wajib yang perlu disertakan bersama dokumen tawaran .

4 PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH

- 4.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.
- 4.2 Sekiranya mana-mana pihak menawar atau memberi apa-apa suapan kepada anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Badan Pencegahan Rasuah atau Balai Polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.
- 4.3 Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.
- 4.4 Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan di bekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.

5 MAKLUMAT TAMBAHAN

5.1 Sebarang pertanyaan berkaitan sebut harga ini hendaklah dirujuk kepada:

Seksyen Perolehan,
Bahagian Kewangan,
Kementerian Wilayah Persektuan
Aras 3, Blok 2, Menara Seri Wilayah,
Presint 2,
62100 PUTRAJAYA

Nombor Telefon : 03-8889 7685 / 7826
Nombor faksimili : 03-8889 7730
Emel : sebutharga@kwp.gov.my

SEKSYEN 2

LAMPIRAN-LAMPIRAN

LAMPIRAN Q
(ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)

Bila menjawab, sila nyatakan
nombor ini

No. Sebut Harga :
KWP(SH-B)05/2015/BPM

(Kew.284-Pin. 5/94)

**KERAJAAN MALAYSIA
NEGERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**SEBUT HARGA PERKHIDMATAN PELAKSANAAN MIGRASI IPv6
DI KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

Dokumen ini hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca dan ditaksirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian Sebut Harga.

Kepada (Nama Syarikat) No. Telefon :..... No. Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan :..... Kod bidang pendaftaran yang relevan Dengan pembelian ini : 210105	Pelawaan sebut harga dikeluarkan oleh Kementerian/Jabatan (Alamat Lengkap) Kementerian Wilayah Persekutuan Aras G, 1-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah Presint 2, 62100 Putrajaya E-mel: sebutharga_b@kwp.gov.my No. Faks: 03-88897730 Tarikh: 03 April 2015
---	--

1. Sila beri sebut harga untuk bekalan/perkhidmatan yang disenaraikan di bawah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan:
 - 1.1. Syarat penyerahan/penyempurnaan: **Rujuk Dokumen Sebut Harga.**
 - 1.2. Tarikh penyerahan/penyempurnaan dikehendaki: **Rujuk Dokumen Sebut Harga.**
 - 1.3. Arahan pengiriman: **Kementerian Wilayah Persekutuan, Aras 3, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Putrajaya.**
 - 1.4. Sebut harga hendaklah dihantar secara **serahan tangan / faks / e-mel** sebelum atau pada **06 April 2015 (Isnin) tidak lewat pada jam 12.00 tengah hari.**
 - 1.5. Tempoh sah laku sebut harga hendaklah **enam puluh (60) hari** mulai daripada tarikh tutup sebut harga.

Tarikh: 03 April 2015

Oleh: Seksyen Perolehan KWP

Bil.	Perihal bekalan/perkhidmatan dan Syarat-syarikat Khas	Unit Ukuran	Kuantiti/ Kekerapan	Kadar (RM)	Harga (RM)
1.	PERKHIDMATAN PELAKSANAAN MIGRASI IPv6 DI KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN	Lot	1 Lot		
	<i>Fi Perkhidmatan sebanyak 0.8% bagi setiap transaksi yang dijana melalui sistem ePerolehan akan dikenakan kepada pembekal-pembekal/syarikat yang dilantik, tertakluk kepada had maksimum RM9,600.00 bagi setiap transaksi yang melebihi RM1.2 juta atau sebanyak 0.4% bagi setiap nilai pesanan kerajaan tertakluk kepada had maksimum RM 4,800.00 bagi pesanan Kerajaan melebihi RM 1.2 juta. Fi yang dikenakan ini adalah seperti yang termaktub dalam Terma dan Syarat bagi Pendaftaran Pembekal di bawah sistem ePerolehan.</i>				
	Jumlah keseluruhan(RM)				

- (i) **Harga yang ditawarkan adalah tanpa kenaan cukai termasuk GST; dan**
- (ii) **Tempoh pembekalan _____ bulan daripada tarikh SST/Pesanan Tempatan.**

Saya/Kami dengan ini menawarkan perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat – syarat yang dinyatakan di atas tertakluk kepada syarat – syarat di atas dan di belakang ini.

Tandatangan
Penyebut Harga:.....

Nama dan K/P:

Alamat Syarikat:

Tarikh :

Mustahak - Lihat Syarat – syarat Am Di Belakang

SYARAT-SYARAT AM

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebut harga.

1. KEADAAN BARANG

Semua barang yang dibekalkan hendaklah tulen, baru dan belum digunakan.

2. HARGA

Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos pengangkutan yang berkaitan.

3. SEBUT HARGA SEBAHAGIAN

Sebut harga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item.

4. BARANG SETARA

Sebut harga boleh ditawarkan bagi barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.

5. PERSETUJUAN

(i) Kerajaan tidak terikat untuk setuju terima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga; dan

(ii) Setiap butiran akan ditimbang sebagai satu sebut harga yang berasingan.

6. PEMERIKSAAN

(i) Kerajaan sentiasa berhak melantik seseorang pegawai untuk memeriksa dan menguji bekalan itu semasa tempoh pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan bekalan tersebut; dan

(ii) Penyebut harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

7. PERAKUAN MENYATAKAN SPESIFIKASI TELAH DIPATUHI

Penyebut harga dikehendaki memperakui bahawa bekalan/ perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

8. PENOLAKAN

(i) Barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada bekalan yang telah dipersetujui sebut harganya boleh ditolak;

- (ii) Apabila diminta, penyebut harga hendaklah menyebabkan barang Pekeliling yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada Kerajaan segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai bekalan yang ditolak itu; dan
- (iii) Fasal-kecil (i) dan (ii) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak Kerajaan untuk mendapatkan ganti rugi kerana kegagalan memenuhi obligasi kontrak.

9. PENGIKLANAN

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebut harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah, atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

10. TAFSIRAN

Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

11. INSURANS

Tiada apa-apa insurans atas barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebut harga.

**BARANG-BARANG EX-STOK ATAU BARANG-BARANG
KELUARAN MALAYSIA**

12. PEMBUNGKUSAN

- (i) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- (ii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, hendaklah diganti oleh penjual.

13. PENGENALAN

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang itu, jika berkenaan, hendaklah ditunjukkan.

BARANG DIPESAN DARI LUAR MALAYSIA

14. MATA WANG

Sebut harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

15. PEMBUNGKUSAN

- (i) Barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut norma perdagangan bekalan itu dieksport dengan tidak membungkus;
- (ii) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- (iii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh penyebut harga.

LAMPIRAN A**KETERANGAN MENGENAI PENYEBUT HARGA****Arahan Kepada Penyebut harga :**

Semua butir di lampiran ini hendaklah diisi oleh Penyebut harga dengan **betul** dan **lengkap** serta dikembalikan bersama-sama dengan cadangan/tawaran. Kegagalan berbuat demikian boleh mengakibatkan sebut harga ini ditolak dan mengakibatkan tindakan diambil ke atas Penyebut harga .

Bahagian A: Maklumat Asas Penyebut harga

1. Nama Syarikat () : _____
2. Alamat Syarikat
 - 2.1 Ibu Pejabat : _____

 - 2.2 Cawangan : _____
 (sekiranya ada) _____

3. No. Telefon dan No. Faks : _____
 Alamat Emel : _____
4. No. Pendaftaran dengan
 Kementerian Kewangan : _____
(Sila sertakan salinan Sijil Akuan Pendaftaran Kontraktor yang diakui sah)
5. **No. Pendaftaran GST** dengan : _____
 Jabatan Kastam Diraja
 Malaysia (JKDM)
6. Tarikh Pendaftaran Syarikat : _____

7. Tempoh Sah Pendaftaran
Syarikat : _____
8. Jenis-jenis Perniagaan : _____
9. Jenis Syarikat : Syarikat Persendirian / Syarikat Perkongsian /
Syarikat Tanggungan Bhd / Syarikat Sdn. Bhd.
(*potong yang tidak berkenaan*)

10. Bagi Syarikat Sdn. Bhd. nyatakan
- i. Modal dibenarkan : _____
- ii. Modal Berbayar : _____
- iii. Kemudahan Kewangan : _____ Nilai : _____
(*Overdraf, Urusan Pemfaktoran dll*)

(Sila lampirkan satu salinan yang diakui sah)

11. Nama Bank : _____
- Alamat Bank : _____

12. Status Syarikat (*Tandakan \checkmark di mana yang berkenaan*)
- i. 100% Syarikat Tempatan _____
- ii. Perkongsian Antara Syarikat Tempatan/Luar Negeri _____
- iii. Syarikat Luar Negeri _____
- iv. Lain-lain (*nyatakan*) _____

13. Butir-butir Pemilik/Pemegang Saham Syarikat :

- i. Jika milik perseorangan

Nama Pemilik	No. Kad Pengenalan

ii. Jika milik perkongsian

Bil	Nama Pemilik	No. Kad Pengenalan	% Milik

iii. Jika Syarikat Sendirian Berhad

Bil	Lembaga Pengarah	No. Kad Pengenalan

Bil	Nama Pemegang Saham/ No. Kad Pengenalan	Status Bumiputera/ Bukan Bumiputera	Bilangan Saham/ % milik

CATATAN : Sila gunakan lampiran tambahan sekiranya ruangan tidak mencukupi.

14. Nyatakan pembekal utama dalam perkhidmatan bagi Sebut harga ini (sekiranya tanaman dibekalkan oleh pembekal/syarikat lain)

i. Nama Pembekal Utama : _____

ii. Alamat : _____

iii. No. Telefon : _____

15. Nama orang yang bertanggungjawab dalam urusan Sebut harga ini dan **yang akan menandatangani Sebut harga sekiranya berjaya:**

- i. Nama : _____
- ii. No. Kad Pengenalan : _____
- iii. Jawatan : _____

16. **Dengan ini saya mengesahkan bahawa semua penerangan di atas adalah benar.**

Tandatangan : _____

Nama : _____

No. Kad Pengenalan : _____

Jawatan : _____

Tarikh : _____

Cap Rasmi Syarikat

Nota: Jika didapati keterangan/maklumat di atas tidak benar, pihak Kerajaan berhak menolak/membatalkan tawaran syarikat tuan.

LAMPIRAN B**SURAT JAMINAN PENYEBUT HARGA**

Kepada:

**KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN,
ARAS G-7, BLOK 2, MENARA SERI WILAYAH, PRESINT 2,
62100 W. P. PUTRAJAYA**

Tuan,

**NO.SEBUT HARGA : KWP(SH-B)05/2015/BPM
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN PELAKSANAAN MIGRASI IPv6 DI KEMENTERIAN
WILAYAH PERSEKUTUAN**

Adalah saya/kami dengan ini menawarkan untuk melaksanakan dan menyiapkan kerja-kerja tersebut bagi jumlah keseluruhan sebanyak **RM.....(Ringgit Malaysia)(FOB).**

2. Saya/kami mengesahkan bahawa perkhidmatan yang dibekalkan dalam sebut harga ini adalah perkhidmatan mengikut kelayakan pembekalan yang diperakui sah dan memiliki sijil berkaitan IPv6 Certified. Perkhidmatan yang tidak mencapai piawaian atau kualiti atau ketidaksempurnaan yang berpunca dari saya/kami di dalam tempoh pelaksanaan/jaminan, perkhidmatan akan dilaksanakan oleh pihak ketiga tanpa apa-apa kos tambahan dikenakan kepada Kerajaan.

3. Saya/kami dengan ini mengesahkan bahawa kami akan menyempurnakan perkhidmatan dalam tempoh masa yang dipersetujui atau tempoh jaminan. Jika sebut harga ini diterima, saya/kami bersetuju untuk menandatangani Pesanan Kerajaan/Surat Setuju Terima dalam tempoh masa empat belas (14) hari dari tarikh surat tersebut.

4. Saya/kami bersetuju bahawa tempoh sah laku sebut harga ini akan dibuka selama enam puluh (60) hari daripada tarikh sebut harga ini ditutup dan dalam tempoh tersebut saya/kami tidak boleh menarik balik tawaran sebut harga tersebut.

.....

(Tandatangan)

Nama Penuh :

No. K/P :

No. Telefon :

No. Faks :

Tarikh :

Cop Rasmi Syarikat :

.....

(Tandatangan Saksi)

Nama Penuh :

No. K/P :

No. Telefon :

No. Faks :

Tarikh :

Saya dengan ini mengesahkan **jumlah harga bagi Sebut Harga Perkhidmatan Pelaksanaan Migrasi IPv6 Di Kementerian Wilayah Persekutuan** yang ditawarkan adalah sebanyak RM (Ringgit Malaysia:) adalah harga sebenar.

.....
Tandatangan

Nama Penuh :

No. K/P :

Alamat :

No. Telefon :

No. Faksimile :

Tarikh :

.....
Tandatangan Saksi

Nama Penuh :

No. K/P :

Alamat :

No. Telefon :

No. Faksimile :

Tarikh :

Cop Rasmi Syarikat:

LAMPIRAN C

SURAT AKUAN PEMBIDA

**SEBUT HARGA PERKHIDMATAN PELAKSANAAN MIGRASI IPv6
DI KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN
NO. SEBUT HARGA : KWP(SH-B)05/2015/BPM**

Saya,..... nombor K.P
yang mewakilinombor Pendaftaran
(MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB) dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Kementerian Wilayah Persekutuan** atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

1. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Kementerian Wilayah Persekutuan** atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 penarikan balik kontrak bagi sebut harga di atas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi sebut harga di atas; dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan kerajaan

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai ganjaran mendapatkan sebut harga seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....

Nama :

No. KP:

Cop syarikat :

LAMPIRAN D

JADUAL HARGA

Bahagian/ Unit : BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT

Bekalan : SEBUT HARGA PERKHIDMATAN PELAKSANAAN MIGRASI IPV6 DI KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Bil	Perihal barang-barang / perkhidmatan dan syarat-syarat khas	Unit Ukuran	Kuantiti / Kekekapan	Kadar seunit (RM)	Harga (RM)	Catatan
1.	Perkhidmatan Pelaksanaan Migrasi IPV6 Di Kementerian Wilayah Persekutuan	LOT	1 LOT			
JUMLAH KESELURUHAN (RM)						

.....
Tandatangan Penyebut Harga

Nama Penuh :

No. K/P :

Nota: Harga Tawaran hendaklah tanpa kenaan sebarang cukai termasuk GST

LAMPIRAN E

JADUAL SPESIFIKASI PERKHIDMATAN

NO	PERKARA	YA / TIDAK	PEMATUHAN (WAJIB DIISI CADANGAN PEMBEKAL)
1	UMUM		
1.1	Penyebutharga dikehendaki untuk menyediakan Perkhidmatan Pelaksanaan Migrasi IPv6 di Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dalam tempoh empat (4) bulan.		
1.2	Penyebut harga MESTILAH menyertakan sijil berkaitan IPv6 Certified. Kegagalan mengemukakan sijil-sijil ini akan menyebabkan tawaran tidak akan dipertimbangkan.		
1.3	Penyebutharga dikehendaki untuk melaksanakan migrasi IPv6 secara Dual Stacked mengikut <i>Network Design</i> dan Pelan Pelaksanaan yang telah diwujudkan semasa IPv6 <i>Readiness Assessment</i> . KWP berhak untuk mengubah sebarang keperluan sekiranya perlu.		
1.4	Penyebutharga dikehendaki untuk menyediakan teknikal workshop atau meeting sebelum pelaksanaan ini.		
1.5	Penyebutharga dikehendaki untuk melaksanakan kajian dan pengesahan semula ke atas inventori rangkaian dan konfigurasi.		
1.6	Penyebutharga dikehendaki untuk menyediakan pelan migrasi sebelum pelaksanaan.		
1.7	Penyebutharga dikehendaki untuk menyediakan Change Request Preparation bagi sebarang perubahan yang dilaksanakan.		
1.8	Penyebutharga dikehendaki untuk mematuhi Jadual Pelaksanaan seperti di lampiran.		
2	NETWORK RE-DESIGN MIGRATION		
2.1	Penyebutharga dikehendaki untuk melaksanakan physical cabling migration (IPv4 Logical Topology) seperti yang dicadangkan semasa IPv6 Readiness Assessment tahun 2014.		

2.2	Penyebutharga dikehendaki untuk melaksanakan konfigurasi termasuk firewall routing & policies, core switch routing, VLAN segment & routing. Kesemua aktiviti ini akan dibantu oleh KWP serta pembekal perkhidmatan penyelenggaraan rangkaian KWP sedia ada.		
2.3	Penyebutharga hendaklah melaksanakan testing & validation bagi semua VLAN termasuk user segment, wireless user segment, server farm segment dan DMZ segment.		
2.4	Penyebutharga dikehendaki untuk memastikan aktiviti network re-design ini dilaksanakan terlebih dahulu sebelum migrasi ke IPv6 Dual-Stack.		
3	IPv6 IMPLEMENTATION		
3.1	<p>Penyebutharga dikehendaki untuk melaksanakan migrasi IPv6 secara dual stack bagi peralatan rangkaian seperti di bawah. Sekiranya terdapat pertambahan peralatan rangkaian sepanjang tempoh pelaksanaan projek ini, ianya juga akan termasuk dalam skop pelaksanaan ini.</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Wireless Access Point Controller x 1 unit b) Wireless Access Point x 17 units c) Firewall x 1 unit d) Content Filtering x 1 unit e) Core Switch x 2 unit f) Access Switch x 25 unit 		
3.2	Penyebutharga dikehendaki untuk membantu KWP dalam menyelaraskan pelaksanaan dan pengujian bersama dengan penyedia perkhidmatan talian 1Gov*Net.		
3.3	Penyebutharga dikehendaki untuk membantu KWP dalam menyelaraskan pelaksanaan dan pengujian bersama pembekal perkhidmatan penyelenggaraan rangkaian KWP sedia ada.		
3.4	Penyebutharga hendaklah melaksanakan IPv6 testing & validation bagi semua VLAN termasuk user segment, wireless user segment, server farm segment dan DMZ segment.		

4	IPv6 APPLICATION ENABLEMENT		
4.1	Penyebutharga dikehendaki untuk melaksanakan IPv6 enablement bagi Web Portal KWP. Web Portal ini mesti berupaya untuk memberikan reponse bagi http serta https (jika berkaitan) protokol.		
4.2	Penyebutharga dikehendaki untuk melaksanakan IPv6 enablement bagi Active Directory (AD) Server dan berupaya untuk beroperasi secara dual-stack untuk authentication.		
4.3	Penyebutharga dikehendaki untuk melaksanakan IPv6 enablement bagi Dynamic Host Configuration Protocol (DHCP) Server dan berupaya untuk memberikan IP Address kepada pengguna dalam reka bentuk dual-stack.		
4.4	Penyebutharga dikehendaki untuk melaksanakan IPv6 enablement bagi Domain Name Server (DNS) dan berupaya untuk queries via dual-stack.		
4.3	Penyebutharga dikehendaki untuk melaksanakan IPv6 enablement bagi satu (1) aplikasi KWP. Pelaksanaan ini termasuk aplikasi dan pangkalan data server.		
4.4	Penyebutharga hendaklah melaksanakan IPv6 testing & validation bagi semua server dan aplikasi yang telah dinyatakan.		
5	REPORT FOR IPv6 NETWORK DESIGN		
5.1	Penyebutharga dikehendaki untuk menyediakan laporan yang mempunyai maklumat seperti di bawah. a) IPv6 Network Design b) IPv6 Addresses Assignment for Users c) IPv6 Addresses Assignment for Server		
6	WARRANTY, HANDS-ON TRAINING AND TRANSFER OF TECHNOLOGY		
6.1	Penyebutharga dikehendaki untuk memberikan latihan atau transfer of technology kepada KWP dan pembekal perkhidmatan penyelenggaraan rangkaian sedia ada. Lokasi latihan / transfer of technology adalah di KWP.		
6.2	Penyebutharga perlu menyediakan bahan latihan / dokumen transfer of technology sama ada dalam bentuk soft copy atau hard copy.		

LAMPIRAN F

JADUAL PELAKSANAAN

A. Tempoh Pelaksanaan : 4 Bulan

B. Anggaran Jadual Pelaksanaan Perkhidmatan

Bil	Proses	Tempoh Jangkaan	Cadangan Tarikh
1.	Penyerahan Surat Setuju Terima (SST)/Pesanan Tempatan	2 hari	April 2015
2.	Mesyuarat Kick-Off	1 hari	April 2015
3.	Penyediaan Dokumen Tapisan Keselamatan	3 hari	Mei 2015
4.	Mesyuarat Teknikal	1 hari	Mei 2015
5.	Pelaksanaan Network Redesign	21 hari	Mei - Jun 2015
6.	Pelaksanaan Migrasi IPv6 (Network Devices)	21 hari	Jun - Julai 2015
7.	Pelaksanaan Migrasi IPv6 (Server)	21 hari	Julai - Ogos 2015
8.	Pengujian	14 hari	Ogos - Sept 2015
9.	Dokumentasi & Laporan	7 hari	Sept 2015

Nota: Pelaksanaan perkhidmatan ini adalah selama 4 bulan namun tarikh tersebut adalah anggaran sahaja. Ianya bergantung kepada tarikh permulaan penyerahan Surat Setuju Terima dan perbincangan bersama pihak pembekal.

LAMPIRAN G

JADUAL PENGALAMAN KERJA

Arahan kepada :

1. Senarai pengalaman berkaitan perkhidmatan yang telah/sedang dilaksanakan di sektor awam dan sektor swasta semenjak tahun 2011 hingga kini. Pengalaman yang tidak berkaitan dengan sebut harga ini tidak akan diambil kira.

Bil.	Pengalaman	Nama Agensi Kerajaan / Syarikat Swasta	Status Kontrak atau Perkhidmatan (Selesai/Dalam Proses Pembekalan)	Tempoh /Tahun Kontrak	Nilai Bekalan	No. Rujukan Kontrak/ Baucar/ Pesanan Kerajaan
Jumlah Nilai Kontrak						

Nota: Sila gunakan lampiran tambahan sekiranya ruangan yang disediakan tidak mencukupi

PENGESAHAN TAWARAN SEBUT HARGA OLEH PENYEBUT HARGA:

PENGESAHAN OLEH PENYEBUT HARGA	UNTUK KEGUNAAN JABATAN
<p>Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.</p> <p>Tandatangan:</p> <p>Nama:</p> <p>Jawatan:</p> <p>Tarikh:</p>	<p>Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil. (jika ada).</p> <p>Tandatangan:</p> <p>Nama:</p> <p>Jawatan:</p> <p>Tarikh:</p> <p>Tandatangan:</p> <p>Nama:</p> <p>Jawatan:</p> <p>Tarikh:</p>

**SENARAI SEMAK
SEBUT HARGA MEMBEKAL DAN MENGHANTAR STOK PEJABAT (ALAT TULIS)
BAGI STOR UTAMA KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN
NO. SEBUT HARGA: KWP(SH)03/2015/PTA**

Sila tandakan Bagi Dokumen-dokumen Yang Disertakan.

Bil.	Perkara/Dokumen	Sila Tandakan <input checked="" type="checkbox"/> (Syarikat)	Sila Tandakan <input checked="" type="checkbox"/> (Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga)
1.	LAMPIRAN Q		
2.	LAMPIRAN A		
3.	LAMPIRAN B		
4.	LAMPIRAN C		
5.	LAMPIRAN D		
6.	LAMPIRAN E		
7.	LAMPIRAN F		
8.	LAMPIRAN G		
9.	Pengesahan Tawaran Sebut Harga oleh Penyebut harga		
10.	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Dari Kementerian Kewangan Malaysia		
11.	Salinan Sijil Pendaftaran GST bersama No. Pendaftaran GST dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM)		
12.	Salinan sijil berkaitan Ipv6 Certified yang telah diperakui sah		